

**PENGARUH MOTIVASI DAN GAYA PEMBELAJARAN TERHADAP  
PENCAPAIAN PELAJAR DALAM SUBJEK EKONOMI ASAS**

**Shahrin Nizam Abdul Aziz**

Universiti Pendidikan Sultan Idris  
*shahrin@fpe.upsi.edu.my*

**Normala Zulkifli**

Universiti Pendidikan Sultan Idris  
*nomala@fpe.upsi.edu.my*

**ABSTRAK**

*Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau aspek motivasi yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas di peringkat SPM. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar yang dominan berdasarkan Model Felder-Silverman. Seramai 205 orang pelajar Ekonomi Asas daripada dua belas buah sekolah menengah di daerah Bentong, Pahang telah dijadikan sampel kajian. Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah soal selidik untuk mengumpul data. Analisis deskriptif digunakan untuk mengkaji pengaruh aspek motivasi (motivasi dalaman dan motivasi luaran) serta gaya pembelajaran terhadap pencapaian pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek motivasi dalaman lebih dominan dalam mempengaruhi pencapaian pelajar berbanding aspek motivasi luaran. Walau bagaimanapun, faktor guru juga telah menunjukkan pengaruhnya yang tersendiri dalam mempengaruhi pencapaian pelajar. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa majoriti pelajar Ekonomi Asas berkecenderungan mengamalkan gaya pembelajaran visual.*

**Kata Kunci:** *Gaya pembelajaran, motivasi, Prestasi pelajar, Ekonomi Asas.*

---

**1. Pengenalan**

Ekonomi Asas merupakan subjek elektif dalam kumpulan Teknik dan Vokasional yang diajar di semua sekolah di Malaysia di tingkatan empat dan lima sejak tahun 1991/1992. Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil inisiatif memperkenalkan subjek ini untuk memberi pemahaman kepada pelajar tentang perjalanan sistem ekonomi negara, sektor-sektor dalam ekonomi dan bagaimana mereka dapat menyesuaikan diri dalam sistem ekonomi tersebut (Ismail & Awang, 2004). Selain itu, mata pelajaran ini sangat relevan bagi menyediakan golongan muda yang celik ekonomi serta dapat memupuk kemahiran berfikir dalam kalangan masyarakat kita.

Sejak diperkenalkan, ramai pengkaji mendapati pencapaian pelajar dalam subjek Ekonomi Asas kurang memberangsangkan. Contohnya, Ismail & Awang (2004) menyatakan bahawa kelulusan peperiksaan SPM mata pelajaran Ekonomi Asas antara tahun 1997 dan 2000 adalah sekitar pada 30%. Sementara itu, Abdul-Aziz dan Zulkifli (2014) menyatakan bahawa peratus kegagalan subjek Ekonomi Asas pada tahun 2003 bagi negeri Johor, Negeri

Sembilan, Kedah dan Pahang masing-masing melebihi angka 50%. Sungguhpun begitu, statistik daripada Kementerian Pendidikan menunjukkan sejak tahun 2007 pencapaian subjek ini telah menunjukkan peningkatan yang konsisten mengikut masa. Berdasarkan Jadual 1, peratus lulus subjek Ekonomi Asas antara tahun 2004 dan 2006 merosot daripada 66.3% kepada 61.9%. Walau bagaimanapun, pada tahun 2007 peratus lulus subjek ini melonjak sebanyak 4% berbanding tahun sebelumnya. Selepas tahun 2007 peratus lulus subjek ini terus meningkat dari setahun ke setahun. Pada tahun 2009 peratus lulus bagi subjek ekonomi asas melepasi angka 70% dan angka ini tidak pernah dicapai sejak ia diperkenalkan pada tahun 1991.

**Jadual 1: Pencapaian Subjek Ekonomi Asas, Sijil Pelajaran Malaysia bagi Tahun 2004-2011**

Tahun	Bilangan calon (pelajar)	Peratus lulus (%)	Peratus gagal (%)
2004	99,414	66.3	33.7
2005	95,829	64.1	35.9
2006	85,627	61.9	38.1
2007	88,739	65.9	34.1
2008	90,502	68.9	31.1
2009	88,889	70.8	29.2
2010	86,740	73.3	26.7
2011	84,749	75.8	24.2

Sumber: Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia (2012).

Pola peningkatan berterusan pencapaian subjek Ekonomi Asas sejak tahun 2007 yang telah dibincangkan di atas telah memotivasikan kami untuk menjalankan satu kajian yang bertujuan untuk melihat bagaimana pengaruh motivasi dan gaya pembelajaran pelajar meningkatkan pencapaian mereka dalam subjek Ekonomi Asas.

## 2. Kajian Lepas

Motivasi boleh didefinisikan sebagai suatu dorongan bagi mewujudkan tindakan serta mengekalkan niat untuk mencapai matlamat yang diingini (Ames dan Ames, 1989). Motivasi terbahagi kepada dua iaitu motivasi dalaman dan motivasi luaran. Motivasi dalaman dikaitkan dengan tindakan seseorang melakukan sesuatu aktiviti yang didorong oleh faktor dalaman seperti kepuasan, minat dan sikap manakala motivasi luaran pula dikaitkan dengan tindakan seseorang melakukan sesuatu aktiviti yang didorong oleh faktor luaran seperti tekanan dan ganjaran (Ryan dan Deci, 2000). Kedua-dua jenis motivasi ini mempunyai pengaruh yang tersendiri dalam menentukan pencapaian pelajar dalam sesuatu subjek. Oleh itu, dapatan kajian lepas mengenai jenis motivasi yang dominan dalam mempengaruhi pencapaian pelajar adalah tidak konsisten.

Kajian oleh Nisa (2011) mengenai kesan motivasi ke atas pencapaian pelajar Tingkatan 5 di sebuah sekolah menengah mendapati hanya terdapat hubungan kolerasi positif yang kuat antara motivasi dalaman dengan pencapaian pelajar. Beliau juga menegaskan bahawa pelajar yang diberi dorongan motivasi dalaman akan mencapai peningkatan dalam keputusan akademik mereka. Walau bagaimanapun, kajian oleh Chen et al. (2014) terhadap 291 orang

pelajar diploma kejuruteraan elektrik di politeknik mendapati bahawa pengaruh motivasi luaran adalah dominan dalam menentukan pencapaian para pelajar di politeknik. Sementara itu, kajian Abdullah et al (2014) ke atas pelajar peringkat menengah rendah SMKA Naim Lilbanat, Kota Bharu, Kelantan mendapati motivasi dalaman seperti minat, kesedaran diri dan sikap pelajar merupakan faktor dominan dalam peningkatan pencapaian dalam subjek Bahasa Arab. Namun begitu, kajian ini juga mendapati kepentingan faktor motivasi luaran seperti persekitaran dan keberkesanan pengajaran juga tidak boleh diabaikan.

Hee dan Mohamad Yusuff (2011), telah menjalankan kajian terhadap 116 pelajar program jarak jauh dari program Biologi, Fakulti Sains dan program Geografi, Fakulti Kemanusiaan USM bagi mengukur tahap motivasi tiga konstruk (iaitu motivasi dalaman, motivasi luaran dan regulasi sendiri serta mengkaji hubungan antara tahap motivasi dengan pencapaian akademik pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga jenis motivasi tersebut dalam diri pelajar pendidikan jarak jauh adalah tinggi. Walau bagaimanapun, tahap motivasi yang tinggi ini tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik.

Kajian oleh Walstad dan Soper (1988) di sekolah tinggi kebangsaan di Amerika Syarikat mendapati pelajar yang mempunyai sikap yang positif dalam subjek ekonomi memperoleh markah tinggi berbanding pelajar yang mempunyai sikap negatif dalam ujian yang diambil. Beliau juga menegaskan minat yang mendalam terhadap sesuatu subjek yang dipelajari juga amat penting dalam menentukan pencapaian seseorang pelajar. Selain itu, Ashaari (1996) dan Masri (1996) juga menyatakan minat mendorong pelajar terlibat aktif dalam aktiviti PdP dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian prestasi yang baik dalam subjek tersebut. Selain sikap dan minat penulis seperti Fitz-Gibbon (1985), Gray (1981) dan Hussin (2000) juga mendapati bahawa kecemerlangan pencapaian lalu turut mendorong pelajar memperoleh pencapaian yang baik dalam ujian semasa.

Kajian oleh Halim et. al (2001) dan Ismail et al. (2005) mendapati bahawa faktor guru merupakan faktor luaran yang mempunyai pengaruh terhadap pencapaian pelajar. Berdasarkan hasil kajian tersebut, pengetahuan pedagogi dan pendekatan pengajaran guru boleh memberi kesan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar dalam sesuatu subjek. Kajian oleh Mohammad-Daud (1979) terhadap pelajar-pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah menengah pula mendapati faktor guru, ibu bapa dan rakan sebaya memberi kesan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar. Selain itu, faktor persekitaran sekolah juga penting dalam menentukan pencapaian pelajar. Persekitaran yang bersih dan menarik boleh memberi keselesaan dan membuahkan hasil pengajaran dan pembelajaran yang memuaskan (Yusoff, 1999).

Selain motivasi, gaya pembelajaran yang betul juga penting untuk seseorang pelajar berjaya dalam pelajaran. Kepekaan terhadap gaya pembelajaran boleh memberi peluang kepada pelajar mengenal pasti kemampuan diri dan dalam masa yang sama membantu pengajar atau guru memahami perbezaan individu (Chen, 2014). Menurut Haar et al. (2002) gaya pembelajaran bermaksud perbezaan antara individu dalam cara maklumat diterima, diproses dan dimaklumbalas. Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran. Ini kerana, setiap individu mempunyai kemampuan dan kecenderungan yang berbeza-beza dalam menerima dan memproses maklumat yang diperolehi.

Kajian hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian pelajar dalam Sains dan matematik di sekolah rendah oleh Habib dan Azizan (1997) yang menggunakan Inventori Gaya Pembelajaran Selmes (1987) mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara gaya motivasi, gaya mendalam dan gaya permukaan. Gaya motivasi mendalam mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian Sains dan Matematik, sementara gaya permukaan mempunyai hubungan yang negatif. Ini bermakna gaya motivasi dan gaya mendalam dapat meningkatkan pencapaian akademik. Sementara itu, Graf et al. (2007) yang mengkaji gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar kejuruteraan menggunakan instrumen Index of Learning Style mendapati 87% dari keseluruhan responden mempunyai kecenderungan kepada subskala visual, 58% cenderung kepada subskala konkrit, 57% kepada subskala aktif manakala 56% lagi cenderung kepada subskala global. Kajian ini juga merumuskan bahawa gaya pembelajaran pelajar kejuruteraan adalah menjurus kepada penggunaan elemen berkaitan grafik, imej dan apa sahaja dalam bentuk grafik sebagai elemen utama dalam pembelajaran mereka. Kajian gaya pembelajaran oleh Starvos dan Ioannis (2009) yang menggunakan instrumen Index of Learning Style pula mendapati dalam dimensi visual dan verbal, sebanyak 66 % daripada responden cenderung kepada visual manakala dalam dimensi konkrit dan intuitif, 65% pelajar cenderung kepada konkrit. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan kecenderungan yang seimbang ditunjukkan dalam dimensi aktif dan reflektif dan juga dalam dimensi tersusun dan global.

### **3. Metodologi, Dapatan Kajian dan Perbincangan**

#### **3.1 Metodologi**

Sampel kajian terdiri daripada 205 orang pelajar tingkatan lima yang mengambil mata pelajaran Ekonomi Asas di dua belas buah sekolah menengah di sekitar daerah Bentong, Pahang. Sampel dipilih secara rawak dan terdiri daripada pelajar yang lulus iaitu yang memperoleh markah 40 peratus ke atas dalam peperiksaan akhir Ekonomi Asas semasa di tingkatan empat. Kajian ini dijalankan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dalam pengumpulan data. Soal selidik mengandungi item-item motivasi dan item gaya pembelajaran yang di adaptasi dari Index of Learning Style (ILS) oleh Feder dan Silverman (1988). ILS mengelaskan pelajar kepada empat gaya pembelajaran iaitu aktif-reflektif, sensor-intuitif, visual-verbal dan sekuen-global.

Soal selidik kajian ini terdiri daripada soalan-soalan tertutup (closed-ended questions) dan mengandungi tiga bahagian di mana bahagian pertama memaparkan 6 soalan yang berkaitan latar belakang dan demografi pelajar. Soalan-soalan membabitkan maklumat tentang jantina pelajar, keputusan peperiksaan mata pelajaran Ekonomi Asas, bangsa, tahap pendidikan tertinggi ibu bapa, jenis pekerjaan ibu bapa dan pendapatan bulanan ibu-bapa. Bahagian kedua pula mengandungi sejumlah 49 item berkaitan motivasi dalaman dan motivasi luar pelajar. Motivasi dalaman dilihat dari sudut minat, sikap dan pencapaian lalu, manakala motivasi luaran dilihat dari sudut peranan guru, keluarga, persekitaran sekolah, dan rakan sebaya. Skala Likert empat pangkat telah digunakan dalam bahagian ini untuk membolehkan pengumpulan data tentang tahap persetujuan responden dalam setiap item. Bahagian ketiga pula mengandungi 44 item. Selain itu, kajian rintis telah dijalankan di tiga buah sekolah di daerah Batang Padang, Perak dan hasilnya mendapati kebolehpercayaan instrumen yang diuji adalah agak tinggi iaitu 0.83.

### 3.2 Dapatan

#### a) Latar belakang responden

Jadual 2 di bawah merumuskan lapan ciri demografi responden iaitu dari aspek jantina, bangsa, tahap sosioekonomi (iaitu, tahap akademik ibu-bapa, pekerjaan ibu-bapa dan pendapatan bulanan ibu-bapa). Berdasarkan jadual tersebut didapati bahawa sebilangan besar responden adalah perempuan (iaitu sebanyak 57.6 peratus). Majoriti responden adalah berbangsa Melayu (iaitu sebanyak 68.5 peratus) dan ini diikuti oleh etnik Cina (20.4 peratus) dan India (10.6 peratus). Bagi menunjukkan status sosioekonomi responden kami turut melakukan analisis terhadap tahap pendidikan, jenis pekerjaan dan pendapatan bulanan ibu dan bapa responden. Berdasarkan Jadual 2, kebanyakan ibu dan bapa berada dalam kategori sosioekonomi yang rendah berdasarkan tahap pendidikan (85.6 dan 82.7 peratus masing-masing) dan jenis pekerjaan (88.6 dan 77.7 peratus masing-masing). Selain itu, berdasarkan pendapatan bulanan ibu dan bapa responden di dapati sebahagian besar (iaitu sebanyak 82.5 peratus) daripada ibu-bapa responden berpendapatan rendah.

**Jadual 2: Latar belakang Responden**

Jantina	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 57.3 peratus responden adalah perempuan</li> <li>• 42.7 peratus responden adalah lelaki</li> </ul>
Etnik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 68.5 peratus responden adalah berbangsa Melayu.</li> <li>• 20.4 peratus responden adalah berbangsa Cina.</li> <li>• 10.6 peratus responden adalah berbangsa India.</li> <li>• 0.5 peratus responden adalah terdiri daripada lain-lain bangsa.</li> </ul>
Tahap pendidikan bapa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 82.7 peratus bertahap pendidikan rendah</li> <li>• 13.7 peratus bertahap pendidikan sederhana</li> <li>• 3.6 peratus bertahap pendidikan tinggi</li> </ul>
Tahap pendidikan ibu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 85.6 peratus bertahap pendidikan rendah</li> <li>• 12.0 peratus bertahap pendidikan sederhana</li> <li>• 2.5 peratus bertahap pendidikan tinggi</li> </ul>
Pekerjaan bapa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 77.7 peratus adalah golongan pekerja peringkat bawahan</li> <li>• 22.3 peratus adalah golongan pekerja peringkat pertengahan</li> </ul>
Pekerjaan ibu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 88.6 peratus adalah golongan pekerja peringkat bawahan</li> <li>• 11.4 peratus adalah golongan pekerja peringkat pertengahan</li> </ul>
Pendapatan bulanan ibu-bapa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 82.5 peratus Ibu-bapa adalah berpendapatan rendah</li> <li>• 17.5 peratus Ibu-bapa adalah berpendapatan tinggi.</li> </ul>

#### b) Pengaruh motivasi

Jadual 3 menunjukkan nilai min bagi setiap faktor di bawah motivasi dalaman dan motivasi luaran bagi pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi Asas. Dalam kajian ini, faktor-faktor di bawah motivasi dalaman terdiri daripada minat, sikap dan pencapaian lalu, manakala faktor-faktor di bawah motivasi luaran pula terdiri daripada

keluarga, guru, persekitaran sekolah dan rakan sebaya. Berdasarkan Jadual 3 didapati skor min bagi faktor minat, sikap dan pencapaian lalu masing-masing adalah 1.976, 1.948 dan 1.859, manakala skor min bagi faktor guru, keluarga, persekitaran sekolah dan rakan sebaya masing-masing adalah 3.119, 2.681, 3.117 dan 2.759.

**Jadual 3: Pengaruh Motivasi Dalaman dan Motivasi Luaran Terhadap Pencapaian Pelajar dalam Subjek Ekonomi Asas**

	Min	Sisihan Piawai
<b>Motivasi Dalaman</b>		
Sikap	1.8456	0.27374
Minat	1.8483	0.32518
Pencapaian Lalu	1.7585	0.31883
<b>Motivasi Luaran</b>		
Guru	1.9387	0.29521
Keluarga	2.9210	0.35408
Persekitaran Sekolah	3.1171	0.28206
Rakan Sebaya	2.9590	0.30143

Bagi mengenal pasti pengaruh motivasi dalaman dan motivasi luaran dalam mempengaruhi pencapaian pelajar nilai min bagi setiap faktor telah dibandingkan. Kekuatan pengaruh jenis motivasi ditentukan berdasarkan nilai min yang paling rendah dengan membuat pengiraan skala Likert. Merujuk kepada jadual 3, nilai min terendah ditunjukkan oleh kesemua faktor di bawah motivasi dalaman. Sebaliknya, nilai min faktor-faktor lain di bawah motivasi luaran iaitu guru, keluarga, persekitaran sekolah dan rakan sebaya menunjukkan nilai min yang agak tinggi secara relatif. Oleh yang demikian, kita boleh katakan bahawa motivasi dalaman nampaknya lebih dominan dalam mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas.

### c) Pengaruh gaya pembelajaran

#### *(1) Gaya pembelajaran aktif-reflektif*

Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran aktif memahami maklumat dengan cara melakukan perbincangan atau mengaplikasikannya atau menerangkannya kepada orang lain. Sebaliknya, pelajar yang mengamalkan gaya reflektif memilih untuk memikirkan maklumat terlebih dahulu. Pelajar aktif suka belajar berkumpulan, manakala pelajar reflektif suka belajar bersendirian. Jadual 4 menunjukkan taburan peratusan responden mengikut gaya pembelajaran aktif-reflektif. Berdasarkan jadual tersebut didapati 52.2% daripada pelajar mempraktikkan gaya pembelajaran aktif, manakala 47.8% mempraktikkan gaya pembelajaran reflektif. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempraktikkan gaya pembelajaran aktif lebih ramai berbanding gaya pembelajaran reflektif.

**Jadual 4: Taburan Peratusan Responden mengikut Gaya Pembelajaran Aktif-Reflektif**

Bil	Gaya pembelajaran	Peratus
1.	aktif	52.2
2.	reflektif	47.8
	Jumlah	100.0

**(2) Gaya pembelajaran sensor-intuitif**

Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran sensor suka pembelajaran berbentuk fakta, manakala pelajar yang mengamalkan pembelajaran intuitif sering memilih penemuan kemungkinan-kemungkinan atau hubungan-hubungan. Pelajar sensor berfikiran praktikal dan konkrit, manakala pelajar intuitif lebih berfikiran inovatif dan abstrak. Jadual 5 menunjukkan taburan peratusan responden mengikut gaya pembelajaran sensor-intuitif. Berdasarkan jadual tersebut didapati 38.9% daripada pelajar mempraktikkan gaya pembelajaran sensor, manakala 61.1% mempraktikkan gaya pembelajaran intuitif. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempraktikkan gaya pembelajaran intuitif lebih ramai berbanding gaya pembelajaran sensor.

**Jadual 5: Taburan Peratusan Responden mengikut Gaya Pembelajaran Sensor-Intuitif**

Bil	Gaya pembelajaran	Peratus
1.	sensor	38.9
2.	intuitif	61.1
	Jumlah	100.0

**(3) Gaya pembelajaran visual-verbal**

Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran visual lebih mudah memahami dan mengingat sesuatu maklumat yang disampaikan dengan gambarajah, carta aliran, jadual, filem dan demonstrasi. Sebaliknya, pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran verbal lebih mudah memahami maklumat yang diterangkan secara lisan atau bertulis. Jadual 6 menunjukkan taburan peratusan responden mengikut gaya pembelajaran visual-verbal. Berdasarkan jadual tersebut didapati 81.1% daripada pelajar mempraktikkan gaya pembelajaran visual, manakala 18.9% mempraktikkan gaya pembelajaran verbal. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempraktikkan gaya pembelajaran visual lebih ramai berbanding gaya pembelajaran verbal.

**Jadual 6: Taburan Peratusan Responden mengikut Gaya Pembelajaran Visual-Verbal**

Bil	Gaya pembelajaran	Peratus
1.	visual	81.1
2.	verbal	18.9
	Jumlah	100.0

**(4) Gaya pembelajaran sequen-global**

Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran logik mudah memahami maklumat dalam bentuk langkah yang tersusun secara logik, manakala pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran global mempelajari sesuatu secara rambang tanpa melihat perkaitan-perkaitan antaranya. Pelajar sequen cenderung berfikiran linear, manakala pelajar global cenderung berfikiran holistik. Jadual 7 menunjukkan taburan peratusan responden mengikut gaya pembelajaran sequen-global. Berdasarkan jadual tersebut didapati 38.8% daripada pelajar mempraktikkan gaya pembelajaran sequen, manakala 61.2% mempraktikkan gaya pembelajaran global. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempraktikkan gaya pembelajaran global lebih ramai berbanding gaya pembelajaran sequen.

**Jadual 7: Taburan Peratusan Responden mengikut Gaya Pembelajaran Sekuen-Global**

Bil	Gaya pembelajaran	Peratus
1.	sekuen	38.8
2.	global	61.2
	Jumlah	100.0

### 3.3 Perbincangan

Secara umum dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaruh motivasi dalaman adalah amat ketara dalam menentukan pencapaian pelajar dalam subjek Ekonomi Asas. Pencapaian lalu yang memberangsangkan merupakan faktor terpenting yang mendorong pelajar Ekonomi Asas belajar dengan penuh semangat dan bermotivasi. Sikap adalah faktor kedua terpenting. Sikap yang positif terhadap pelajaran seperti sikap suka berdikari, sikap suka meneroka ilmu baru dan rajin membaca dan mengulangkaji pelajaran adalah penting yang menentukan kejayaan seseorang pelajar. Sebaliknya, sikap malas, sambil lewa dan tidak suka berdikari akan menyebabkan pelajar tercalar dalam pelajaran dan memperoleh prestasi yang mengecewakan. Faktor minat pula merupakan faktor yang lebih kurang sama dengan sikap dari segi kepentingannya. Ini kerana, kebiasaannya sikap positif akan lahir daripada rasa minat yang tinggi dan mendalam terhadap apa yang dipelajari. Minat yang mendalam sebenarnya boleh dipupuk menerusi kaedah dan pendekatan pembelajaran yang menarik (Chen et al., 2014).

Walaupun dapatan kajian juga menunjukkan bahawa motivasi luaran kurang dominan berbanding faktor dalaman dalam mempengaruhi pencapaian pelajar dalam subjek Ekonomi Asas, namun faktor guru telah mempamerkan pengaruhnya yang tersendiri dalam menentukan pencapaian pelajar Ekonomi Asas. Ini kerana, pengetahuan pedagogi yang dimiliki oleh guru, kesungguhan guru mempelbagaikan teknik pengajaran serta pelaksanaan pengajaran secara aktif mampu meningkatkan mutu pengajaran dan seterusnya meningkatkan semangat motivasi pelajar untuk belajar.

Dari segi gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar Ekonomi Asas, hasil kajian mendapati 81.1% dari keseluruhan pelajar mempunyai kecenderungan kepada subskala visual, 61.2% berkecenderungan kepada subskala global, 61.1% cenderung kepada subskala intuitif dan 52.2% cenderung kepada subskala aktif. Ini menunjukkan sebilangan besar pelajar Ekonomi Asas mengamalkan gaya pembelajaran visual. Ini bermakna pemahaman dan ingatan pelajar boleh dipertingkatkan sekiranya guru penyampaian isi kandungan dalam bentuk gambarajah seperti penggunaan peta minda yang ringkas tetapi menyeluruh. Ini penting kerana pelajar visual lebih mudah memahami sesuatu maklumat melalui penglihatan berbanding pendengaran. Selain itu, ramai juga di kalangan pelajar Ekonomi Asas berkecenderungan subskala global dan subskala intuitif. Bagi pelajar global maklumat yang dipelajari lebih mudah difahami sekiranya dikaitkan dengan maklumat dari pelajaran-pelajaran lain. Oleh itu, penyampaian isi kandungan Ekonomi Asas oleh guru seharusnya bersifat *interdiscipline*. Bagi pelajar intuitif pula, guru harus mengaitkan pembelajaran dengan konsep abstrak. Ini kerana pelajar intuitif lebih cenderung kepada konsep, teori dan interpretasi.



#### 4. Kesimpulan, Limitasi Kajian dan Cadangan

Daripada hasil kajian dapat disimpulkan bahawa motivasi dalaman amat mempengaruhi pencapaian pelajar dalam subjek Ekonomi Asas. Namun begitu, kajian ini juga telah menunjukkan faktor guru yang merupakan salah satu faktor motivasi luar turun sama penting dalam mempengaruhi pencapaian pelajar dalam subjek ini. Perkara ini logik kerana peranan yang dimainkan oleh guru seperti pendekatan yang digunakan dalam PdP, keprihatinan guru terhadap masalah pelajar dan sebagainya boleh meningkatkan minat serta mengubah sikap pelajar terhadap pelajaran. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan majoriti pelajar Ekonomi Asas mengamalkan gaya pembelajaran visual. Dalam masa yang sama gaya pembelajaran global dan intuitif juga turut diminati. Berdasarkan faktor kenderungan pelajar ini, boleh membantu guru memilih pendekatan pembelajaran yang sesuai dengan mojariti pelajar demi meningkatkan pencapaian pelajar dalam subjek ini.

Kajian yang dijalankan ini terhad kepada hanya menggunakan model kajian Felder & Silverman (1988) sahaja. Oleh itu, dicadangkan kajian akan datang menggunakan model gaya pembelajaran lain seperti model gaya pembelajaran Dunn & Dunn (1978) dan model gaya pembelajaran Kolb (1984). Selain itu, sampel kajian ini hanya tertumpu kepada daerah Bentong. Skop kajian terhadap motivasi dan gaya pembelajaran ini boleh diperluaskan lagi di peringkat negeri atau negara dalam kajian akan datang.

#### Rujukan

- Abdul-Aziz, S. N. & Zulkifli, N. (2014). *Faktor Kelemahan Pelajar Dalam Mata Pelajaran Ekonomi Asas di Peringkat SPM di Sekolah-Sekolah Terpilih di Negeri Johor*. Prosiding Seminar WCIK.
- Abdullah, A. K., Sulaiman, A. Z., et al (2014) *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Peringkat Menengah Rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama(SMKA) Naim Lilbanat, Kota Bharu Kelantan*. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab.
- Ames, C., & Ames, R. 1989. *Research in Motivation in Education*. San Diego. Academic Press.
- Ashaari, O. (1996). *Pengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Chen, U.R., Masek, A. & Amirudin, M.H. (2014). *Kajian Gaya Pembelajaran dan Motivasi Terhadap Pencapaian Pelajar Diploma Kejuruteraan di Politeknik*. Prosiding Seminar CiE-TVET.
- Dunn, R. & Dunn, K. (1978). *Teaching Students Through Their Individual Learning Styles : A Practical Approach*. Reston, Virginia . Reston Publishing.
- Felder, R. M. & Silverman, L.K. (1988). Learning and Teaching Styles In Engineering Education. *Journal of Engineering Education*. 78(7). 674-681.
- International Conference on Postgraduate Research (ICPR 2015).(ISBN 978-967-0850-24-5). 1-2 December 2015, Bayview Hotel, Langkawi, MALAYSIA.

- Fitz-Gibbon, C. T. (1985). A-Level Students in Comprehensive School. *Oxford Review of Educational* 11(1), 43-58.
- Graf, S., Viola, S. R. Leo, T. & Kinshuk. (2007). In-Depth Analysis of the Felder-Silverman Learning Style Dimensions. *Journal of Research on Technology in Education*. 40(1),79–89.
- Gray, J. (1981). A Competitive Edge and Examination Results and Problem Limits of Secondary School Affectiveness. *Education Review*, 33 (1), 25-35.
- Haar, J., Hall, G., Smith, D.H. (2002). How Teacher Teach to Students with Different Learning Styles. *Clearing House*. 75(3), 142-145.
- Habib, A. R. & Azizan, R. (1997). Hubungan Antara Stail Pembelajaran dengan Pencapaian Sains dan Matematik Sekolah Menengah Rendah. *Jurnal Pendidikan*. 22, 39-49.
- Halim, L., Habib, A. R., Johar, A.R., & Meerah, T.S. (2001). Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Pelatih Fizik dan Bukan Fizik Melalui Pengajaran Eksplisit dan Implisit. *Jurnal Pendidikan*. Jilid 26.
- Hee, J. M. & Mohamad Yusuff, S. L. (2011). *Hubungan Antara Tahap Motivasi Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Pendidikan Jarak Jauh Universiti Sains Malaysia*. Diakses pada 12 Mei 2015, sumber daripada [http://eprints.utm.my/11875/1/Hubungan\\_Antara\\_Tahap\\_Motivasi\\_Dengan\\_Pencapaian\\_Akademik\\_Pelajar\\_Pendidikan\\_Jarak\\_Jauh\\_Universiti\\_Sains\\_Malaysia.pdf](http://eprints.utm.my/11875/1/Hubungan_Antara_Tahap_Motivasi_Dengan_Pencapaian_Akademik_Pelajar_Pendidikan_Jarak_Jauh_Universiti_Sains_Malaysia.pdf)
- Hussin, M (2000). Influence of Cognitive Style on Students' Academic Achievement. *Jurnal Pendidikan*. Jilid 25.
- Ismail, Z. (2005). Kesan Pengajaran Konstektual ke atas Pencapaian Pelajar dalam Fizik. *Jurnal Pendidik & Pendidikan*. Jilid 20.
- Ismail, R. & Awang, M. (2004). *Isu-Isu Dalam Pengajaran Ekonomi Asas*. Kuala Lumpur. Pustaka Salam.
- Kolb, D. A. (1984). *Experiential Learning: Experiences As a Source Of Learning and Development*. New Jersey. Prentice Hall.
- Masri, S. (1996). *Pelajar Cemerlang*. Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd. Dan Akademi Keluarga Bahagia Malaysia (AKRAB). Kuala Lumpur.
- Mohammad-Daud, S. (1979). *Kajian Pengenalan Minat Terhadap Sains di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains*. Latihan Ilmiah. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nisa, K. (2011). *Kesan Motivasi Intrinsik Dan Motivasi Extrinsik Ke Atas Pencapaian Pelajar Tingkatan 5 SMK*. Khir Johari Sungai Sumu. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ilmiah.

- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2000). *Intrinsic and Extrinsic Motivations: Classic Definitions and New Directions*. Diakses pada 10 April 2015, sumber daripada [http://www.psych.rochester.edu/SDT/documents/2000\\_RyanDeci\\_IntExtDefs.pdf](http://www.psych.rochester.edu/SDT/documents/2000_RyanDeci_IntExtDefs.pdf)
- Selmes. I. P. (1987). *Improving study skills: Changing perspective in education*. Great Britain. Hodder and Stoughton Ltd.
- Starvos, K. F. & Ioannis, A. T. (2009). On The Use Of Adaptive Instructional Images Based On The Sequential-Global Dimension Of The Felder-Silvermann Learning Style Theory. *Journal of Interactive Learning Environment*. 17(2), 135-150.
- Walstad, W. B. & Soper, J. C. (1988). A Report Card on the Economic Literacy of US High School Students. *American Economic Review*, 78 (2), 251-256.
- Yusoff, M. (1999). *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman Ke Arah Kemantapan Pembelajaran di Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.